


PERANAN PERANCANGAN FIZIKAL
DALAM
KAWALAN ALAM SEKITAR
KES KAJIAN:
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

OLEH:
HASBULLAH MUSTAFA



Satu Tesis Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat Untuk Penganugerahan
Diploma Lanjutan Perancang Bandar Dan Wilayah

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah
Kajian Senibena Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi MARA
Shah Alam, Selangor.
November, 1987.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya telah mengizinkan saya menghasilkan kajian ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Puan Dasimah Hj. Omar di atas bimbingan, tunjukajar dan buah fikiran yang sangat berguna sepanjang kajian ini dijalankan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa di dalam menjalankan kajian ini bagi mencapai matlamatnya, ianya sukar dilaksanakan tanpa bantuan, kerjasama dan buah fikiran dari semua pihak. Dengan itu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung.

Kajian ini telah disediakan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pensyarah-pensyarah Kajian Pentadbiran dan Undang-undang, ITM. Semua bantuan berbentuk maklumat, cadangan dan maklumbalas dalam semua peringkat kajian amatlah dihargai.

Penghargaan yang khusus ditujukan kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak, ITM, Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar dan Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana memberikan kemudahan menggunakan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan.

Akhir sekali, tidak lupa saya mengucapkan sekalung penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada "S" yang telah dengan sabar dan tekun menaip teks asal kajian ini. Juga di atas usaha ikhlas memberikan sokongan moral, dorongan dan galakan sepanjang kajian ini dilakukan.

Tidak lupa juga saya mengucapkan syukur dan terima kasih kepada ayah dan ibu yang memberikan perhatian, galakan dan doa restu sepanjang hayat. Semoga Allah akan memberkati, merahmati dan memberi taufik serta hidayahNya ke jalan yang lurus. Hanya Allah jua yang dapat membalas dengan sebaik-baik ganjaran di atas budi baik semuanya, InsyaAllah.

Wassalam.

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
+ Penghargaan	(i)
+ Isi Kandungan	(iii)
+ Senarai Rajah	(vii)
+ Senarai Jadual	(vii)
BAB I : <u>PENGENALAN KAJIAN</u>	(I - 13)
1.1 Pengenalan	I
1.2 Kenyataan Masalah	6
1.3 Hipotesis	8
1.4 Matlamat Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Sekop Kajian	9
1.7 Pendekatan Kajian	10
1.8 Cartalir Kajian	12
BAB 2 : <u>PEMAKAIAN AKTA-AKTA DAN KAWALAN ALAM SEKITAR</u>	(14 - 69)
2.1 Pengenalan	14
2.2 Sejarah Penyediaan Pelan Perancangan Bandaraya	16
2.2.1 Akta (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur, 1973 (Akta 107)	17
2.2.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)	18
2.2.3 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1979 (Akta 127)	21
2.2.4 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 (Akta 267)	24
2.2.5 Kawalan Fizikal Ke Atas Gunatanah	25

2.3	Definisi Dasar	27
	2.3.1/ Dasar-dasar Alam Sekitar	29
	2.3.2/ Kesan Ke Atas Alam Sekitar	32
	2.3.3 Kawalan Dasar Pembangunan Alam Sekitar Di Dalam Pelan Struktur	34
	2.3.4 Aspek Fizikal Dan Alam Bina	35
	2.3.5/ Pencemaran Alam Sekitar	36
	2.3.6 Pertimbangan Perancangan	37
	2.3.7 Pemuliharaan Persekitaran Dan Senitaman	41
	2.3.8 Kriteria Pemuliharaan Senitaman Dan Persekitaran	42
2.4	Jabatan Alam Sekitar	44
	2.4.1 Kawalan Pencemaran dan Perancangan Alam Sekitar	50
	2.4.2 Tanggungjawab Bahagian Kualiti Alam Sekeliling	52
	2.4.3 Majlis Kualiti Alam Sekeliling	56
	2.4.4 Laporan Kesan Alam Sekitar Kepada Alam Sekeliling	58
2.5	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	60
	2.5.1 Objektif DBKL	61
	2.5.2 Tugas-tugas dan Kuasa Datuk Bandar	62
	2.5.3 Fungsi Pelan Struktur Kuala Lumpur	63
	2.5.4 Objektif-objektif Senitaman, Senibandar dan Pengekalan	66
2.6	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	68
	2.6.1 Objektif JPBD	68
	2.6.2 Fungsi Jabatan	69

BAB 3	: <u>ANALISA MASALAH</u>	(70 - 121)
3.1	Pengenalan	70
3.2	Faedah Pembangunan Terancang	71
	3.2.1 Sistem Perancangan	72
	3.2.2 Peranan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976	73
3.3	Alam Sekitar Semasa	75
	3.3.1 Kesedaran Terhadap Alam Sekitar	76
	3.3.2 Prinsip dan Tujuan Pemuliharaan	77
3.4	Masalah Penyelarasan Pengurusan Alam Sekitar	79
	3.4.1 Masalah Pengawalan Alam Sekitar	82
	3.4.2 Masalah Pemuliharaan Alam Sekitar	83
	3.4.3 Kelemahan Sediada	86
	3.4.4 Masalah Pengurusan dan Pengawalan Alam Sekitar	87
	3.4.5 Masalah Kaedah Undang-undang	88
	3.4.6 Perlaksanaan Kaedah Undang-undang	90
	3.4.7 Batasan Kaedah Undang-undang	91
	3.4.8 Kaedah Bukan Undang-undang	92
	3.4.9 Konflik Di Antara Perancangan Fizikal dan Kawalan Alam Sekitar	93
	3.4.10 Implikasi Pentadbiran	98
	3.4.11 Perancangan Masa Hadapan	98
	3.4.12 Kawalan Perancangan	98
3.5	Kelemahan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974	99
	3.5.1 Masalah Jabatan Alam Sekitar	105
3.6	Kelemahan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982	107
3.7	Rumusan dan Isu	110

BAB 4	: <u>CADANGAN-CADANGAN</u>	(I22 - 206)
4.1	Pengenalan	I22
4.2	Cadangan Penyelarasan Di Antara Agensi Persekutuan, Negeri dan Tempatan	I23
4.2.1	Penyelarasan Adalah Satu Tugas	I28
4.2.2	Keberkesanan Jawatankuasa	I40
4.2.3	Pembentukan Koordinator Di Peringkat Persekutuan dan Negeri	I45
4.2.4	Cadangan Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Negeri	I48
4.3	Perlembagaan dan Perundangan	I49
4.4	Penguatkuasaan Undang-undang	I53
4.5	Pengawalan Perancangan "Ad-Hoc Basis"	I54
4.6	Perancangan Alam Sekitar Dalam Pembangunan	I56
4.7	Wakil-wakil Perancangan Dan Alam Sekitar Di Dalam Akta	I58
4.8	Kesedaran Mengenai Alam Sekitar	I60
4.9	Cadangan Am	I62
4.9.1	Keperluan Tenaga Kerja	I64
4.9.2	Penilaian Kesan Alam Sekitar (PKAS)	I70
4.9.3	Isu-isu Dan Masalah PKAS Di Dalam Proses Perancangan Di Malaysia	I71
4.9.4	Sifat-sifat Utama Prosedur PKAS	I76
4.9.5	Komen Ke Atas PKAS	I81
4.9.6	Rumusan PKAS	I85
4.10	Cadangan Di Feringkat Jabatan Alam Sekitar	I86
4.11	Cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974	I88
4.12	Cadangan Pindaan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982	I89
4.13	Rumusan dan Penutup	I91

Bibliografi	(207 - 211)
Lampiran	(212 - 216)

SENARAI RAJAH

1.1	Perancangan Sebagai Satu Proses Yang Terus-Menerus	4
1.2	Rangka Kerja Kajian	12
2.1	Sistem Pengurusan Alam Sekitar	45
4.1	Konsep Perancangan Projek Yang Bersepadu (Integrated Approach)	177
4.2	Peranan Seorang Ahli Perancang	198
4.3	"Vertical-Horizontal Coordination"	200
4.4	"Top-down System"	200
4.5	"Top-level Coordination"	200
4.6	Proses Penggubalan Perancangan	201

SENARAI JADUAL

1.1	Cartalir Kajian	13
4.1	Jumlah Kakitangan Sediada Di Jabatan Alam Sekitar, 1986.	166

I.0 PENGENALAN KAJIAN

I.1 Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai peranan perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar. Peranan boleh didefinisikan sebagai pekerjaan, tugas yang dipegang, bahagian atau tugas seseorang dalam satu-satu usaha.⁽¹⁾ Manakala perancangan adalah sesuatu kegiatan atau tindak tanduk yang diambil untuk mencapai sesuatu matlamat dan tujuan pada masa hadapan.⁽²⁾ Dari ayat ini terdapat tiga aspek penting iaitu :-

- a. masa hadapan
- b. matlamat/tujuan ; dan
- c. tindak tanduk.

Ketiga-tiga aspek ini adalah saling berkaitan didalam proses perancangan. Masa hadapan adalah suatu keadaan yang kita ingin bentuk atau yang ingin kita wujudkan, berdasarkan kepada keadaan-keadaan dan pertimbangan masa kini. Keadaan masa kini merupakan asas dalam sesuatu perancangan. Ia juga merupakan suatu tempoh atau suatu masa yang ditetapkan untuk mencapai suatu garis matlamat.

-
1. DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ; "Kamus Dewan", Cetakan Kedua, 1984, m.s 867.
 2. SULONG MUHAMMAD ; "Perancangan Kemudahan Awam dan Infrastruktur Sosial - Konsep, Prinsip dan Amalan", Monograf Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM, 1983, m.s 9.

Matlamat/tujuan ialah gambaran atau keadaan masa hadapan yang ingin kita wujudkan. Ia bertindak sebagai panduan yang menentukan arah perancangan seperti ke arah manakah perancangan kita dan bagaimana keadaan yang kita inginkan? Soalan-soalan ini merupakan panduan yang sangat penting dalam pembentukan matlamat dan tujuan perancangan. Manakala tindak tanduk adalah strategi-strategi atau polisi yang kita akan ambil untuk mencapai matlamat dan tujuan yang kita telah gariskan pada suatu masa yang kita telah tetapkan.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa,⁽³⁾ mendefinisikan perancangan sebagai satu proses yang berterusan/bersambungan dengan melibatkan membuat keputusan atau pilihan berkenaan dengan cara alternatif dalam menggunakan sumber-sumber untuk mencapai tujuan dan objektif dalam waktu yang akan datang. Dengan lain perkataan perancangan melibatkan satu proses, pembuat keputusan, objektif, mempunyai pilihan/alternatif, pembangunan, sekop perancangan seperti fizikal, sosial dan ekonomi, mempunyai organisasi untuk melaksanakan program-program, jangka masa dan pentadbiran.

Perancangan fizikal adalah penentuan ruang atau jenis gunatanah yang terdiri daripada tatatur, perancangan kawasan bandar atau luar bandar, taburan aktiviti dari satu tempat ke satu tempat, mengawal pembangunan dari perbezaan gunatanah, mengatur dan

3. JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA, 1987, Kuala Lumpur.

mengawal melalui perundangan dan garis panduan.⁽⁴⁾ Perancangan fizikal secara amnya adalah meliputi tiga perkara asas iaitu pembangunan tanah, air dan udara.⁽⁵⁾ Ia meliputi juga pendirian struktur-struktur bangunan dan penyediaan perkhidmatan seperti dewan orang ramai, perhentian bas, pejabat pos, klinik/pusat kesihatan, balai polis, balairaya, bekalan air, bekalan elektrik, tandas awam, pasar, kedai, pengezonan gunatanah untuk kegunaan perdagangan, pertanian, perumahan, industri dan perletakan kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, tempat ibadat, ruang terbuka, padang permainan, kawasan rekreasi, pusat hiburan, taman dan lain-lain lagi.⁽⁶⁾

Dengan itu perancangan fizikal tidak sahaja sekadar penyediaan pelan-pelan dan tidak dibuat oleh pakar-pakar profesional sahaja. Ini adalah kerana ia melibatkan berbagai hubungan yang tertentu seperti orang awam dan para ahli politik disemua peringkat seperti polisi, pelaksanaan dan sebagainya.

Kawalan pula menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, ialah di mana orang perseorangan atau berkumpulan dilarang daripada melakukan pemajuan atau pengusahaan disesuatu tempat tetapi menggalakkan mereka membuat perkara-perkara lain di-


4. Ibid.

5. KERAJAAN MALAYSIA ; "Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974".

6. Op-cit. SULONG MUHAMMAD ; m.s II.

tempat lain yang selari dengan tujuan dan matlamat perancangan. Contohnya melalui kawalan pengezonan gunatanah dan piawaian perancangan (planning standards).⁽⁷⁾

RAJAH I.I : PERANCANGAN SEBAGAI SATU PROSES YANG TERUS MENERUS.



Sumber : Peter Halls, 1974, Hobs & Polling, 1981 dan Mc Loughlin, 1969.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, kawalan bermaksud, perbuatan yang mengawal, menjaga, berkuasa atau daya untuk melarang, memerintah, pengawasan, pencegahan, memeriksa, mengendalikan, menahani dan mengatur supaya teratur perjalanan kerja bagi mencapai sesuatu keputusan dalam pemajuan tanah dan bangunan.⁽⁸⁾

Sementara alam sekitar pula didefinisikan sebagai "faktor-faktor fizikal bagi kawasan sekeliling manusia termasuk tanah, air, udara iklim, atmosfera, cuaca, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi, seperti haiwan dan tumbuhan serta faktor sosial dan astatika."⁽⁹⁾

7. KERAJAAN MALAYSIA ; "Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974".
8. Op-cit. DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA , m.s 263.
9. Op-cit. Akta Kualiti Alam Sekeliling , 1974, m.s 7

Ertinya segala apa yang dapat kita lihat, dengar, hidu dan rasa adalah persekitaran kita. Oleh itu secara amnya persekitaran adalah keadaan sekeliling. Istilah ini boleh juga dikaitkan dengan "general comfort, convenience and aesthetic quality of the physical surroundings for living".^(IO)

Kawalan alam sekitar adalah bertujuan untuk merancang suatu keadaan yang seimbang serta saling bergantung di antara komponen-komponen fizikal, sosial, ekonomi dan biologi di dalam penentuan ekologi persekitaran manusia.^(II) Ketiadaan kawalan mengakibatkan ketidakseimbangan di antara komponen-komponen tersebut boleh menimbulkan masalah-masalah yang berkaitan seperti pencemaran, banjir, hakisan dan keadaan kehidupan yang terancam serta tidak selesa. Sesuatu program kawalan alam sekitar boleh mengurangkan keuntungan atau hasil, akan tetapi hasil tersebut boleh dinikmati dalam jangka masa yang panjang.

Bagi kajian ini, peranan perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar adalah lebih menekankan kepada kawalan, perlindungan dan peningkatan mutu. Melalui perancangan fizikal, masalah-masalah bukan saja berupaya dikawal, bahkan ia dapat mengelak dan mencegah dari berlaku. Contohnya dengan penguatkuasaan undang-undang dan penyediaan garis panduan dalam sesuatu projek (pengezonan industri, pelupusan sisa-sisa pepejal dan kaedah penilaian alam sekitar).

-
- IO. BURROW G.S ; "A Study in Conservation", Prentice-Hall Co., 1968, m.s 70.
- II. DATUK ONG KEE HUI ; "Kertas kerja Mengenai Alam Sekitar dan Pencemaran-Dari Sudut Pengalaman Malaysia", Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, 1980, m.s 9.
- COPYRIGHT © UIM

Dengan demikian peranan perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar adalah penting dan memerlukan pemerhatian dan tindakan perancangan di peringkat awal lagi. Oleh kerana negara kita masih pesat membangunkan bandar, maka kesilapan yang sudah-sudah (yang berlaku) sepatutnya boleh dijadikan pengajaran.^(I2) Perancang-perancang bandar tidak seharusnya melihat sesuatu masalah khusus bagi satu-satu masa tertentu dalam perancangan bandar mereka sahaja. Sebaliknya setiap perancangan mesti mengambil kira alam sekitar dalam sesuatu jangka waktu yang mampu difikirkan supaya kesejahteraan dan keharmonian akan dapat dinikmati seterusnya.

Justeru itu penyelarasan dalam penguatkuasaan undang-undang di kalangan jabatan-jabatan yang terlibat adalah perlu supaya peranan perancangan fizikal akan menjadi lebih berkesan dalam kawalan alam sekitar.

I.2 Kenyataan Masalah

Bandaraya Kuala Lumpur adalah ibunegara Malaysia yang sedang mengalami pembangunan yang pesat. Oleh itu adalah perlu di sedari bahawa sesuatu pembangunan yang tidak terkawal akan menyebabkan alam sekitar terancam, baik dari segi penglihatan maupun dari segi pencemaran udara dan bunyi. Oleh itu kawalan

I2. ABDUL JALIL ABDUL RAHMAN, "Pembangunan Perbandaran : Isu-isu Yang Biabaikan", Dewan Masyarakat, Oktober, 1984, m.s 9.

alam sekitar samada melalui penguatkuasaan undang-undang, penyelarasan, senitaman, pemuliharaan dan pengendalian adalah dianggap penting dan harus dipertimbangkan serta disesuaikan dalam memenuhi keperluan perubahan serta pembangunan masakini dan akan datang.

Dengan pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, bertujuan untuk memperbaiki kualiti kehidupan manusia, yang mana objektif utamanya ialah untuk mencegah, mengatasi dan mengawal alam sekitar akibat dari pembangunan. Begitu juga dari segi perancangan fizikal, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, lebih menekankan kepada kawalan perancangan dalam pemajuan atau penggunaan sebarang tanah atau bangunan. Walau bagaimana pun masih terdapat kelemahan dari segi perlaksanaan dan penyelarasan di antara agensi/jabatan kerajaan dalam memastikan faktor-faktor alam sekitar diserapkan dalam perancangan sesuatu pembangunan.

Persoalannya ialah kenapakah dalam kedua-dua akta ini tidak terdapat penyelarasan padahal Akta Kualiti Alam Sekeliling dikuatkuasakan pada bulan April, 1975 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976?

Malaysia adalah sebuah negara persekutuan yang terdapat pembahagian kuasa di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kerajaan Negeri berkuasa mengawal tanah, air dan pertanian. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri tidak berkuasa keatas beberapa perkara seperti kilang, jentera, perubahan dan kesi-

hatan.⁽¹³⁾ Begitu juga dengan kawalan alam sekitar terdapat beberapa undang-undang yang digunakan, akan tetapi dengan kurangnya penguatkuasaan dan penyelarasan yang terhad telah mengakibatkan pertindanan dalam tindakan di peringkat perancangan dan perlaksanaan.

Oleh itu adalah perlu dikaji apakah terdapat penyelarasan dalam tindakan dan penguatkuasaan undang-undang di peringkat perancangan fizikal di antara jabatan-jabatan yang terlibat?

Apakah kesan yang dialami sejak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985, keatas perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar ; dikuatkuasakan?

Oleh itu kajian ini akan mengambil kira peranan perancangan fizikal dengan kes kajian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

I.3 Hipotesis

Kawalan perancangan fizikal dan kawalan alam sekitar kurang penyelarasan.

13. KERAJAAN MALAYSIA ; "Perlembagaan Persekutuan", Perkara 74 (Senarai Negeri).

I.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian adalah untuk mengkaji peranan perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar serta cadangan yang perlu bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dikenal pasti.

I.5 Objektif Kajian

- a. Untuk mengenal pasti akan peranan perancangan fizikal dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- b. Untuk mengkaji akan kesan-kesan yang timbul sekiranya perancangan fizikal tidak mengambil kira keperluan alam sekitar.
- c. Untuk mengkaji akan masalah-masalah yang timbul akibat tanpa perhatian ke atas kawalan alam sekitar sediaada.
- d. Membentuk cadangan-cadangan dan garis panduan yang perlu bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dikenal pasti.

I.6 Sekop Kajian

Kajian ini akan lebih dititikberatkan kepada perancangan pembangunan fizikal selepas 1975 (tarikh mula dikuat kuasakan) pemakaian Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perancangan

Bandar dan Desa 1976 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 diwartakan, bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan lain perkaataan, penekanan dari aspek pemakaian (pengurusan) penguatkuasaan dan penyelarasan diberi perhatian.

Dua kaedah yang akan dilihat ialah kaedah undang-undang dan kaedah bukan undang-undang. Kaedah undang-undang adalah lebih kepada bentuk tindakan akta, manakala kaedah bukan undang-undang lebih berbentuk kaedah perancangan seperti penyediaan garis panduan dan kawalan di peringkat awal perancangan.

Oleh itu sekop kajian ini melihat proses perlaksanaan semasa dalam perancangan fizikal secara kaedah undang-undang iaitu pemakaian akta-akta berkaitan serta penyelarasannya di antara jabatan-jabatan terlibat dalam kawalan alam sekitar.

I.7 Pendekatan Kajian

*Bagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*


Terdapat empat peringkat dalam kajian ini. Peringkat pertama adalah berbentuk kajian ilmiah, pendekatan kajian, pengumpulan maklumat dan bahan-bahan rujukan sekunder.

Peringkat kedua melibatkan Kuala Lumpur sebagai kawasan kajian akan keadaan semasa proses perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar dilaksanakan. Pendekatan ini juga memerlukan perhatian mendalam dalam pemakaian undang-undang dan penyelarasan di antara jabatan-jabatan yang terlibat.

Peringkat ketiga merupakan peringkat pemerosesan data dan penganalisaan masalah. Di peringkat ini akan ditentukan isu dan masalah kenapa tiada penyelarasan dalam kawalan alam sekitar di antara jabatan-jabatan berkenaan. Di samping itu, apakah kaedah undang-undang lebih memainkan tindakan berkesan dalam kawalan alam sekitar daripada kaedah bukan undang-undang akan turut dikenal-pasti.

Peringkat keempat, merupakan peringkat pembentukan cadangan-cadangan keatas masalah-masalah yang telah dikenalpasti. Ianya dibuat samada di dalam bentuk penyediaan strategi, garis panduan atau polisi, supaya peranan perancangan fizikal dalam kawalan alam sekitar dapat dicapai.

I.8 Cartalir Kajian



RAJAH I.2 : RANGKA KERJA KAJIAN.

JADUAL I.1 : CALENDAR KAJIAN

BULAN	JULAI				OGOS				SEPTEMBER				OKTOBER			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
WINGCU																
Penyediaan Sinopsis (Bab I)																
Pengumpulan Maklumat																
Penulisan Bab 2																
Analisa Data																
Penulisan Bab 3																
Cadangan dan Rumusan																
Penulisan Bab 4																
Penyerahan Deraf																
Pembaikan Deraf																
Penyerahan Akhir																

2.0 PENGENALAN AKTA-AKTA DAN KAWALAN ALAM SEKITAR

2.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan latar belakang sejarah perancangan bagi Bandaraya Kuala Lumpur, menurut Akta (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur 1973 (Akta I07), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta I72), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta I27) dan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Di samping itu bahagian ini juga akan meliputi kawalan fizikal ke atas gunatanah menurut Pelan Struktur yang menyentuh juga dasar-dasar alam sekitar nasional, kesan keatas alam sekitar sediada (menurut laporan Pelan Struktur), kawalan dasar pembangunan keatas alam sekitar dan pertimbangan-pertimbangan dari aspek perancangan seperti pemuliharaan dan senitaman.

Seperti negara-negara lain di dunia, Malaysia yang pesat membangun turut menghadapi masalah di dalam kawalan perancangan fizikal dan alam sekitar. Menurut Laporan Kualiti Alam Sekeliling 1979 yang diterbitkan pada tahun 1982, menyatakan bahawa terdapat beberapa masalah yang perlu diberi perhatian. Di antaranya ialah pemusnahan hutan, pencemaran air, udara dan hakisan tanah, pembuangan sisa-sisa buangan pepejal serta penerokaan sumber yang mengakibatkan kemerosotan mutu alam sekitar yang perlu dikawal supaya tidak menjadi lebih serius.^(I4)

I4. ABDULLAH MOHD SAID ; "Kaedah Undang-undang Punya Kelemahan Dalam Kawalan Alam Sekitar?" (Utusan Melayu), 19/7/1986.

Terdapat dua kaedah dalam pengurusan kawalan alam sekitar iaitu kaedah undang-undang dan kaedah bukan undang-undang. Namun kaedah undang-undang yang dijalankan adalah tidak bersepadu dan menyeluruh. Jabatan-jabatan yang terlibat dalam perancangan fizikal terutamanya Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Dewan Bandaraya dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan mempunyai peranan, objektif, kuasa dan matlamat-matlamat serta peruntukan yang tersendiri (menurut Akta masing-masing). Oleh itu, kerana tiada penyelarasan dalam mengawal dan penguatkuasaan undang-undang menyebabkan tindakannya tidak berkesan.

Kaedah kedua ialah kaedah bukan undang-undang yang lebih merupakan kaedah perancangan. Kaedah ini menekankan kepada aspek-aspek kawalan pencegahan di peringkat awal. Akan tetapi disebabkan ia tidak bertumpu kepada satu-satu aspek sahaja, maka tindakannya tidak berupaya menghasilkan tindakan yang berkesan jika dibandingkan dengan kaedah undang-undang.

Mulai 1974, Malaysia telah mula mengwujudkan Akta Kualiti Alam Sekeliling untuk mengawal dan meningkatkan mutu alam sekitar. Selain dari penyediaan akta-akta yang berkaitan (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974), penyediaan Buku Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar juga membantu menggariskan langkah-langkah dalam menganalisa kesan keatas alam sekitar dalam proses perancangan sesuatu projek.

2.2 Sejarah Penyediaan Pelan Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur

Pelan pertamayang disediakan bagi Kuala Lumpur ialah Pelan Perkawasan tahun 1931. Pelan ini telah digantikan dengan Pelan Bandar yang pertama tahun 1939. Dalam tahun 1950 Pelan Bandar ini telah dipinda dengan perluasan sempadan bandaran. (15)

Dalam tahun 1965, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ketika itu telah mengarahkan supaya Pelan Bandar 1950 yang telah dipinda, digantikan pula dengan satu pelan induk baru. Dengan itu satu set pelan yang mengandungi sebanyak tiga jenis pelan telah disediakan dan diwartakan dalam tahun 1967 untuk bantahan awam. Pelan-pelan ini terdiri dari Pelan Pembangunan Kawasan Pusat L886, Pelan Kawasan Kepadatan Perumahan L887 dan Pelan Perkawasan Gunatanah L887. Pelan-pelan tersebut disediakan dibawah peruntukan-peruntukan Bahagian IX, Bab I37 Enakmen Lembaga Bandaran bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. (16)

Dalam tahun 1970, ketiga-tiga pelan tersebut telah diubahsuai dan dinomborkan semula masing-masing menjadi Pelan Pembangunan Lengkap IO39 (Kawasan Perdagangan Pusat), Pelan Pembangunan Lengkap IO40 (Perkawasan Kepadatan) dan Pelan Pembangunan Lengkap IO41 (Perkawasan Gunatanah) dan dipamerkan menurut peruntukan Ordinan No. 46 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat tahun 1970. (17)

15. DEWAM BANDARAYA KUALA LUMPUR, "Pelan Strktur Kuala Lumpur", Ogos 1984, m.s I.

16. Ibid.

17. Ibid.